
Abstrak Tesis-tesis Ijazah Tinggi Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.

Satu kelemahan dalam sistem pendidikan kita adalah kekurangan kajian-kajian yang menumpu kepada pendidikan tempatan. Sebagai satu langkah kecil untuk mengatasi masalah ini, pihak Jawatankuasa Penerbitan, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan akan mula menerbitkan abstrak tesis-tesis Ijazah Tinggi yang telah dibentangkan oleh calon-calonnya sebagai keperluan Ijazah tersebut.

Bagi jilid ini, kami akan menerbitkan abstrak tesis-tesis yang telah dibentangkan daripada tahun 1977 hingga 1980.

Salinan tesis-tesis yang disenaraikan di bawah boleh dipinjam daripada Perpustakaan, Universiti Sains Malaysia.

1977 "Some Correlates of Lower Secondary School Modern Mathematics Over - and Under - Achievements"

Ijazah Sarjana, Lim Ewe Jin.

Pencapaian lampau dan singkat dalam matematik kerap kali dilihat dari segi penjimatan dan pembaziran sumber-sumber pendidikan. Dalam dunia sekarang di mana persaingan begitu hebat, pandangan seperti ini sangatlah penting, dan lebih-lebih lagi di negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia di mana sumber dan masa adalah terbatas. Kajian ini cuba menentukan unsur-unsur pertalian yang berkaitan rapat dengan pencapaian lampau dan singkat dalam matematik di sekolah, dan juga membandingkan unsur-unsur pertalian dalam perkara pencapaian lampau dengan unsur-unsur pertalian dalam perkara pencapaian singkat. Ia juga cuba mencari kefahaman tentang keertian setengah unsur-unsur pertalian itu dari segi kurikulum "Matematik Moden" yang sedang dilaksanakan di Malaysia.

Untuk tujuan kajian ini murid-murid Tingkatan II dari salah sebuah sekolah menengah perempuan di kawasan bandar telah dibahagikan kepada empat kumpulan; pencapai lampau, pencapai singkat, pencapai biasa tinggi dan pencapai biasa rendah. Walaupun kajian ini menumpukan perhatian kepada pencapai lampau dan pencapai singkat, kumpulan-kumpulan yang lainnya dan juga keseluruhan sampel merupakan asas perbandingan.

Penentuan pencapai lampau dan pencapai singkat dilakukan dengan cara pelencungan "linear" pencapaian matematik ke atas kecerdasan yang tidak melibatkan bahasa dengan menggunakan ± 1.00 ralat lazim anggaran sebagai had tinggi dan bawah pencapaian selisih. Murid-murid yang lainnya dibahagikan kepada pencapai biasa tinggi dan pencapai biasa rendah berdasarkan kepada sama ada mereka berada di atas atau di bawah garisan pelencungan.

Analisa pelencungan berbagai unsur telah dijalankan ke atas tiap-tiap kumpulan murid dan juga keseluruhan sampel.

Kriteria yang digunakan ialah peperiksaan matematik akhir tahun Tingkatan I dan II, jumlah markah dari kedua-dua peperiksaan tersebut dan Ujian Pencapaian Matematik LEJ yang dibentuk khas berdasarkan kepada sukatan pelajaran Matemaik Tingkatan I dan II yang sedang digunakan oleh murid-murid.

Penelaah yang digunakan adalah dalam tiga kumpulan - yang berhubung dengan murid-murid, yang berpunca dari guru-guru dan yang berkaitan dengan ibubapa. Kumpulan pertama terdiri dari kebolehan bahasa murid dan tanggapan sendiri dan minat matematik mereka.

Kumpulan kedua meliputi tanggapan guru terhadap pencapaian dan minat matematik murid-murid. Kumpulan yang terakhir ialah tekanan dan pertolongan ibubapa.

Didapati bahawa unsur pertalian terpenting yang berkaitan dengan segala kategori pencapaian matematik (lampau, singkat, biasa) dan pencapaian matematik keseluruhan sampel ialah tanggapan guru terhadap pencapaian matematik murid-murid. Pengaruh ibubapa berbeza dari kumpulan ke kumpulan tetapi secara amnya adalah penting kepada pencapai lampau, pencapai singkat dan pencapai biasa rendah. Kebolehan bahasa juga penting kepada kumpulan-kumpulan pencapai biasa dan keseluruhan sampel.

Tanggapan guru dan kebolehan bahasa didapati sangat bererti terhadap kurikulum "Matematik Moden" tersebut di atas.

1978 The Development of History Teaching in Schools in Peninsular Malaysia (1905-1978) (An Examination of the Syllabuses and Textbooks)

Ijazah Sarjana, Santhiran R. Raman

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan sukatan baharu bagi matapelajaran sejarah untuk dilaksanakan mulai tahun 1978 secara berperingkat-peringkat. Penekanannya jelas terhadap kepentingan kesedaran, dan kepaduan nasional serta kesefahaman antarabangsa dalam konteks yang lebih luas lagi. Inilah suatu gambaran baik terhadap hari muka masyarakat Malaysia. Malangnya perkara ini lahir dua dekad lebih lewat. Banyak kesan telah berlaku semenjak pihak penjajah British memperkenalkan sukatan pelajaran sejarah tahun 1905. Sukatan 1978 dapat menampakkan sebagai puncak dalam menemukan satu kursus sejarah yang sesuai untuk sekolah-sekolah berteraskan kepentingan bangsa dan negara Malaysia.

Usaha ini bertujuan untuk meneroka perkembangan sejarah dalam sekolah-sekolah pengantar Inggeris di Semenanjung Malaysia¹ berbagai sukatan pelajaran dan buku-buku teks yang terpakai serta memerhatikan betapa adanya hubungannya dengan nusa dan bangsa dalam membangkitkan kesedaran terhadap warisan dan perpaduan nasional.

Pengajaran sejarah di sekolah-sekolah aliran Inggeris zaman penjajah dan selepasnya hanya bertujuan untuk menghadapi peperiksaan kerana di sekolah-sekolah inilah sahaja yang dapat menunjukkan kita gambaran kecil mengenai masyarakat Malaya berbilang kaum. Di sekolah-sekolah ini bermula integrasi sosial di dalam masyarakat berbilang kaum dapat dipelihara. Kedudukan sekolah-sekolah Inggeris di bandar dan peluang-peluang yang tercapai bagi percampuran murid-murid dari kaum-kaum terbesar mungkin dapat membantu pertumbuhan perpaduan nasional dan kesedaran bangsa kiranya murid-murid itu diberi

kesedaran bahawa suatu persamaan masa hadapan dapat dibentuk walaupun berbeza keturunan mereka yang lalu. Seiring dengan itu orientasi pelajaran dalam sekolah-sekolah ini mungkin sebaliknya meniadakan kebaikan yang boleh didapati di antara masyarakat berbilang kaum.

Pengakhiran pelajaran sekolah rendah Melayu hanya sanggup memberikan sumbangan kecil terhadap pengajaran sejarah secara yang lebih berkesan.

Sekolah-sekolah Cina dan Tamil membuatkan murid-murid sedar akan semangat nasional dalam cara yang berbeza dan tersendiri. Perkembangan sekolah-sekolah Cina yang terbit dalam cara mereka tersendiri hingga tahun 1920 itu menyediakan satu macam cara pelajaran yang membabitkan sekolah dalam pertikaian ketaatan di antara pengikut sistem beraja dan puak-puak revolusiner di negeri Cina. Kaum Cina seberang laut dianggap sebagai warganegara negeri Cina dan pelajaran yang diberi amat memihak kepada perkara-perkara yang membangkitkan kesedaran terhadap India melalui dasar-dasar rasmi. Buku-buku teksnya lebih memihak ke India dan sekolah Tamil ini, seperti sekolah Melayu juga, hanya memberikan pelajaran yang berakhir di peringkat rendah sahaja.

Pengkajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian Pertama memperlihatkan tujuan pengajaran sejarah di sekolah-sekolah. Dapatkah sejarah di sekolah diajar sebagai 'Sejarah untuk Kepentingan Sejarah' atau dapatkah kita mempertimbangkan tujuan pelajaran di sesebuah negara mengubah kursus sejarah demi mencapai matlamat nasional?

Bahagian kedua mengkaji tentang sistem pelajaran di Semenanjung Malaysia bawah pemerintahan penjajah British. Dalam ceraihan pertama pengkajian dibuat terhadap tujuan pelajaran yang disediakan oleh pihak British. Sistem Pelajaran British dengan berbagai-bagai cara dan pilihan hanya semata-mata berdasarkan kepada kesesuaian bagi pemisahan kaum di negeri ini. Ceraihan kedua pula berhubung dengan perkembangan pelajaran di Semenanjung Malaysia dan merdeka dan percubaan-percubaan yang dibuat dalam merumuskan satu dasar pelajaran kebangsaan berteraskan satu bahasa dan satu rupa sukatan pelajaran yang sama bagi semua pengantar sekolah. Dalam pengkajian terhadap perkembangan pelajaran negeri ini, saya hanya menekankan tentang sistem akademik di sekolah-sekolah iaitu Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah hingga Tingkatan Lima. Perkembangan pelajaran vokesyenal, teknik, perguruan dan pelajaran tinggi ditinggalkan, memandangkan ianya terkeluar dari lingkungan essei ini. Semuanya sudah banyak diperkatakan dengan begitu baik dalam kemajuan pelajaran Malaysia seluruhnya. Saya mungkin mengulangi perkara yang sama.

Bahagian Ketiga memberi tumpuan kepada kemajuan pengajaran sejarah zaman penjajah hingga kepada kemajuan dalam kursus sejarah bagi sekolah-sekolah Malaysia iaitu sukatan baharu matapelajaran sejarah untuk tahun 1978. Bab-bab ini mengkaji tentang inisiasi berbagai-bagai sukatan dan penyesuaian buku-buku teks hingga 1977.

Bab akhir menggulung kajian dengan sedikit tinjauan hari muka.

Nota

¹Semenanjung Malaysia dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu sebelum pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Oleh yang demikian, istilah 'Malaya' dan 'Malayan' di dalam essei ini adalah dirujuk kepada 'Peninsular Malaysia' sebelum 1963.

1980 Educational Media in Secondary Schools: An Examination of Existing Facilities and The Relationships Between Selected Teacher Variables and Media Utilisation.

Ijazah Sarjana, Fatimah Abu Bakar.

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kedudukan perlengkapan media di sekolah-sekolah, kaitan di antara penggunaan media dan angkubah-angkubah guru tertentu yang biasanya diketahui mempengaruhi penggunaan media, dan halangan-halangan terhadap penggunaan media sebagaimana ditanggapi oleh guru.

Sampel kajian ini terdiri daripada 262 orang guru daripada 30 buah sekolah menengah di Negeri Sembilan. Perlengkapan bagi penggunaan media meliputi peralatan dan bahan-bahan media serta kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan penggunaannya. Angkubah-angkubah guru sebagai rintangan terhadap penggunaan media, dan ciri-ciri profesyenal guru.

Dua instrumen telah digunakan untuk memperolehi data berkenaan: Soalselidik mengenai perlengkapan media di sekolah-sekolah menengah, dan soalselidik mengenai penggunaan media di sekolah-sekolah menengah. Data yang diperolehi dari set soalselidik yang pertama untuk menilai kedudukan perlengkapan media di sekolah-sekolah telah dianalisa dengan menggunakan peratusan dan nisbah. Kedua-dua ini kemudiannya dibandingkan dengan taraf media yang disarankan bagi sekolah-sekolah. Set data kedua mengenai amalan penggunaan media ditukar kepada skel nominal. Perangkaan 'chi-square' dibuat untuk menentukan kaitan di antara angkubah-angkubah itu. Angkali jangkakan telah digunakan untuk mengukur darjah kaitan tersebut.

Dapatan-dapatan menunjukkan bahawa perlengkapan media di sekolah menengah di Negeri Sembilan telah ditaksirkan sangat rendah dari taraf media yang disarankan untuk sekolah-sekolah. Alat-alat media pada umumnya terdapat pada kadar satu daripada setiap jenis bagi sebuah sekolah. Berbagai-bagai jenis koleksi bahan-bahan telah dilaporkan, tetapi jumlahnya tidak dapat menyamai jumlah yang disarankan. Terdapat juga kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan media, tetapi keadaan masih tidak mencukupi.

Kaitan penting yang sederhana didapati antara penggunaan media oleh guru-guru dan tanggapan mereka terhadap halangan-halangan terhadap penggunaan media. Pada umumnya, tidak terdapat kaitan yang penting di antara ciri-ciri profesyenal guru dan kekerapan mereka menggunakan media dan halangan penggunaan media. Walau bagaimanapun, hubungan penting yang sederhana telah diperolehi antara halangan penggunaan media yang ditanggap oleh guru dan kesan penggunaan media baru.

Antara sepuluh perkara-perkara halangan yang guru tanggap sebagai halangan terbesar terhadap penggunaan media di dalam susunan mengikut kepentingan adalah:

1. Kekurangan kemudahan-kemudahan dalam bilik darjah untuk penggunaan media.
2. Kekurangan bilangan bilik darjah yang sesuai untuk penggunaan media.
3. Kekurangan alat.
4. Bahan-bahan media susah didapati.

5. Kekurangan belanjawan.
6. Terlalu banyak halangan di dalam usaha memperolehi bahan dan persediaan untuk mengajar.
7. Kekurangan maklumat tentang sumber-sumber media yang sesuai.
8. Bahan-bahan media peringkat persekolahan yang sesuai sukar diperolehi.
9. Beban mengajar terlalu berat.
10. Masa untuk merancang bagi menggunakan media tidak mencukupi.

1980 The Construction and Evaluation of A Test of Understanding of Mathematical Concepts and Principles Basic to the Teaching of Primary School Mathematics

Ijazah Sarjana, Tan Sew Hock.

Kajian ini adalah satu usaha untuk membina dan menilaikan satu alat untuk mengukur pemahaman konsep-konsep dan prinsip-prinsip matematik yang asas pada pengajaran matematik sekolah rendah. Jenis alat yang telah dibina ialah satu ujian objektif aneka pilihan.

Isikandungan ujian ini ditentukan dengan membuat satu analisa pada sukatan pelajaran matematik sekolah rendah yang rasmi dan satu siri enam buah buku panduan bagi pengajaran matematik sekolah rendah. Sukatan tersebut digunakan untuk menentukan topik-topik besar matematik sekolah rendah dan buku panduan-buku panduan itu digunakan untuk menentukan konsep-konsep dan prinsip-prinsip yang akan diuji dalam tiap-tiap topik besar.

Bentuk pertama ujian itu mengandungi tujuh puluh butir (soalan), di antaranya empat puluh satu butir ialah berdasarkan kepada konsep-konsep matematik dan duapuluh sembilan butir kepada prinsip-prinsip matematik. Satu ujian printis telah dijalankan dengan bentuk pertama ujian itu. Keputusan-keputusan ujian printis itu dianalisa supaya dapat memberi maklumat untuk pemilihan, semakan dan pembaikan butir-butir ujian yang akan dimasukkan ke dalam bentuk muktamad ujian itu.

Bentuk muktamad ujian, iaitu Suatu Ujian Pemahaman Konsep-konsep dan Prinsip-prinsip Asas pada Pengajaran Matematik Sekolah Rendah - Bentuk B (UPKPM - BENTUK B), mengandungi empat puluh lima butir, di antaranya duapuluh enam butir berdasarkan kepada konsep-konsep matematik dan sembilan belas butir kepada prinsip-prinsip matematik. UPKPM - BENTUK B telah diedarkan kepada duaratus dua orang guru pelatih di Maktab Perguruan Sungai Patani, Kedah. Satu penganalisan butir dengan menggunakan aturcara yang dicadangkan oleh Nuttall dan Skurnik telah dilakukan kepada keputusan-keputusan ujian itu dan menghasilkan perangkaan tentang aras kemudahan (facility) dan pembezaan (discrimination) bagi tiap-tiap butir. Kebolehpercayaan (reliability) dan ralat lazim ukuran ujian itu pun telah ditentukan.

UPKPM - BENTUK B telah dinilai dengan menganalisa indeks kemudahan dan pembezaan butir-butir ujian, kebolehpercayaan dan kesahannya. Purata aras kemudahan butir-butir ialah .46. Tigapuluh lapan butir mempunyai indeks kemudahan yang ada di dalam jurat .25 ke .74. Empat puluh satu butir mempunyai indeks pembezaan .21 dan lebih. Di antara empat puluh lima butir itu, empat puluh satu butir memenuhi nilai rata-rata

bagi butir-butir yang boleh diterima yang dicadangkan oleh Nuttall dan Skurnik.

Angkali kebolehpercayaan UPKPM - BENTUK B yang dianggar dengan menggunakan Formula 20 Kuder-Richardson ialah .803. Ralat lazim ukuran ialah 2.99 markah mentah. Kesahan ujian itu ialah kesahan isikandungan. Ianya adalah berdasarkan kepada satu penganalisaan yang teliti dan ditil yang telah dibuat pada sukatan pelajaran, matematik sekolah rendah yang rasmi dan satu siri buku panduan pengajaran matematik sekolah rendah, dan pandangan satu panel orang-orang yang berpengalaman yang terlibat dalam latihan dan penyeliaan guru-guru matematik sekolah rendah.

Hasil dari kajian ini menunjukkan bahawa ujian aneka pilihan adalah satu alat yang boleh digunakan untuk mengukur pemahaman guru-guru pelatih sekolah rendah mengenai konsep-konsep dan prinsip-prinsip matematik. Setakat pemahaman guru-guru pelatih sekolah rendah tentang konsep-konsep dan prinsip-prinsip matematik, nampaknya UPKPM - BENTUK B adalah satu alat penting yang mempunyai keupayaan untuk digunakan bagi tujuan-tujuan diagnostik dan penilaian.

1980 "Factor Affecting Parent-Teachers Co-operation: A Case Study of a School in Perak"

Ijazah Sarjana, Bala Subramanian s/o Kuppusamy.

Penyelidikan mempercayai bahawa kerjasama antara ibubapa dan guru-guru adalah penting dalam proses pendidikan murid-murid. Berdasarkan kepada andaian ini, Persatuan Ibubapa & Guru (PIBG) telah diwajibkan di semua sekolah di negara ini. Walau bagaimanapun, penyelidik berpendapat kerjasama antara ibubapa dan guru tidaklah begitu berkesan dalam masyarakat Malaysia, khususnya di kawasan luar bandar yang mundur dari segi sosial dan kebudayaan. Tambahan pula adalah dianggap PIBG tidak memberi apa-apa perubahan dan kemajuan yang boleh dibanggakan. PIBG nampaknya seperti melepaskan batuk ditangga sahaja iaitu wujud untuk memenuhi kehendak-kehendak seperti yang diisyaratkan dalam Peraturan-peraturan PIBG, 1973.

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji dengan mendalam tabiat (nature) dan skop kerjasama antara ibubapa dan guru-guru dan juga mengenal dan mencamkan faktor-faktor penting yang mempengaruhi kerjasama ini. Untuk mencapai tujuan ini, satu kajian kes (case study) yang melibatkan 176 orang ibubapa, 37 orang guru-guru termasuk seorang Guru Besar dan 15 orang AJK PIBG telah dijalankan di sebuah sekolah menengah di Negeri Perak. Sekolah ini terletak di kawasan yang boleh dianggap sebagai separuh mundur (partially disadvantaged). Kajian ini mempertimbangkan persepsi ibubapa dari guru-guru terhadap peranan sekolah dan tujuan-tujuan pendidikan. Kajian ini juga cuba menentukan secara amnya sikap ibubapa dan guru-guru terhadap kerjasama ibubapa dan guru-guru. Perhatian juga diberi kepada peranan PIBG dan sejauh manakah kesannya dalam melaksanakan tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat yang terkandung dalam peraturan-peraturan PIBG 1973.

Maklumat-maklumat yang perlu dikumpulkan memalui Soalselidik Ibubapa yang mudah, Soalselidik Guru-guru, Jadual Temuramah Guru dan juga melalui Jadual Temuramah AJK, PIBG. Maklumat ini telah dianalisis dari segi kekerapan dan taburan peratus serta dipersembahkan dalam bentuk carta palang dan jadual. "Cross tabulations" digunakan apabila didapati perlu untuk membuat perbandingan dan juga untuk mengkaji perhubungan di antara kedua-dua variabel berkaitan dengan kerjasama ibubapa dan guru.

Kajian ini ditumpukan kepada tiga kategori utama yang mempengaruhi interaksi di antara ibubapa dan guru; ibubapa, guru-guru dan khasnya kerjasama ibubapa dan guru

dengan merujuk kepada PIBG. Tiap-tiap kategori ini dibincangkan dengan terperinci dalam Bab Dua yang berjudul "Conceptual Framework". Maklumat penganalisaan berkenaan dengan pendapat ibubapa dikemukakan dalam Bab Ketiga. Pada amnya, ibubapa menyokong kerjasama ibubapa dengan guru-guru dalam kajian ini. Tetapi dalam pelaksanaannya didapati sedikit sekali mereka yang memberi kerjasama sama ada secara langsung atau dengan secara tidak langsung. Berbagai-bagai faktor seperti status sosio-ekonomi, taraf pelajaran ibubapa, kesuntukan masa, jarak dari sekolah, jurang perbezaan bahasa mungkin menjadi halangan untuk mendekatkan interaksi dalam masyarakat. Kebanyakan daripada ibubapa adalah bertaraf rendah dalam sosio-ekonomi mereka dan oleh itu mereka tidak sedar akan faedah-faedah kerjasama yang erat. Mereka menyerahkan semuanya kepada pihak sekolah.

Bab Keempat mempersembahkan pandangan guru-guru. Guru-guru juga menampakkan kerjasama terhadap persatuan ini, tetapi mereka tidak berusaha untuk memajukannya. Terdapat lebih kurang 73 peratus daripada guru-guru tidak tinggal bersama-sama dengan masyarakat tempatan. Oleh yang demikian, mereka tidak berpeluang untuk bercampur gaul dengan masyarakat tempatan. Mereka rasa bahawa ibubapa patut mengambil inisiatif mempererat lagi hubungan mereka dengan sekolah dan guru-guru. Mereka menuduh bahawa ibubapa tidak mengambil perhatian terhadap kerjasama ibubapa dan guru. Terdapat sangat sedikit sahaja perhubungan dengan ibubapa di sekolah-sekolah. Hampir 75 peratus daripada guru-guru tidak melawat rumah murid-murid mereka kerana mereka berpendapat bahawa ibubapa akan memberikan mereka sambutan yang dingin. Tetapi, maklumat yang dikumpulkan menunjukkan bahawa majoriti ibubapa akan gembira dan berterima kasih sekiranya guru-guru membuat lawatan ke rumah-rumah mereka. Kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru tidak mahu ibubapa sebagai pembantu guru-guru dalam bilik Darjah. Walau bagaimanapun mereka sanggup membenarkan beberapa orang ibubapa mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikula seperti menjadi pengadil, jurulatih sukan dan lain-lain lagi.

Bab Kelima menganalisis pandangan AJK, PIBG. Maklumat yang dikumpulkan menunjukkan bahawa PIBG bertemu hanya sekali pada setahun, iaitu pada mesyuarat agung. Selepas itu, ia tidak aktif lagi. Ia tidak merancang sebarang aktiviti sama ada sosial atau lain-lain kegiatan yang boleh menyatupadukan ibubapa dan guru-guru. Maklumat ini juga menunjukkan bahawa PIBG tidak mendatangkan sebarang faedah pendidikan kepada murid-murid di sekolah.

Akhir sekali, maklumat yang dikumpulkan menunjukkan bahawa ibubapa dan guru-guru menyedari akan faedah-faedah kerjasama ini tetapi mereka nampaknya puas hati dengan situasi yang sedia ada. Data-data menguatkan andaian penyelidik bahawa interaksi ibubapa dan guru tidak berkesan di dalam masyarakat yang mundur dari segi sosial dan kebudayaan.

Kajian ini mencadangkan supaya usaha-usaha dilipatgandakan oleh guru-guru dan pentadbir-pentadbir untuk menarik ibubapa ke sekolah. Ini akan menolong sekolah mengatasi masalah pendidikan dan disiplin dan meninggikan lagi taraf pencapaian pendidikan murid-murid.

1980 "Kajian tentang persepsi guru pelatih, pensyarah maktab dan guru sekolah mengenai objektif-objektif latihan mengajar di sekolah bagi Maktab Perguruan di Malaysia".

Ijazah Sarjana, Kim Phaik Lah.

Dalam latihan iktisas perguruan, latihan mengajar di sekolah dianggap sebagai suatu

aspek latihan yang penting. Kajian ini bertujuan menyelidik sama ada terdapatnya perbezaan atau persamaan dalam persepsi guru pelatih, pensyarah maktab dan guru sekolah bila menimbang objektif-objektif latihan mengajar di sekolah. Adalah dihipotesiskan bahawa tiada perbezaan yang penting dalam persepsi guru pelatih, pensyarah maktab dan guru sekolah bila mereka menimbang objektif-objektif latihan mengajar di sekolah.

Corak dan kaedah penyelidikan berikut digunakan untuk menguji hipotesis tersebut:

1. Perbincangan secara tidak formal diadakan dengan ketiga-tiga kumpulan orang dalam kajian ini untuk mendapat maklumat bagi membentuk objektif-objektif latihan mengajar di sekolah:
2. Perbincangan secara bertulis dengan soalan-soalan berikut:
 - (a) Latihan mengajar memberikan guru pelatih peluang untuk
 - (b) Latihan mengajar memberikan pensyarah maktab peluang untuk
 - (c) Latihan mengajar memberikan guru sekolah peluang untuk

diadakan dengan ketiga-tiga kumpulan orang dalam kajian ini untuk mendapat maklumat bagi membentuk penyata-penyata mengenai objektif-objektif latihan mengajar di sekolah.

3. Bahan-bahan dari perbincangan secara tidak formal dan bertulis itu digunakan bagi membentuk satu kertas soalselidik dan suatu ujian perintis diadakan dengan kertas soalselidik itu bagi ketiga-tiga kumpulan orang dalam kajian ini.
4. Kertas soalselidik tersebut dikaji semula dan kertas soalselidik yang dikaji semula itu dijawab oleh 264 guru pelatih, 86 pensyarah maktab dan 113 guru sekolah di negeri Pulau Pinang.
5. Hipotesis kajian ini diuji dengan menggunakan Kendall Coefficient of Concordance, Nilai Chi square pada paras keertian 0.01 dan 0.05 untuk mengkaji persetujuan ranking antara ketiga-tiga kumpulan orang dalam kajian ini. Hipotesis kajian ini diuji juga dengan Spearman Rank Difference Coefficient pada paras keertian 0.01 dan 0.05. untuk mengkaji Korelasi 'ranking' antara dua kumpulan orang dalam kajian ini.

Hasil kajian ini nampaknya menyokong hipotesis bahawa tiada perbezaan yang penting dalam persepsi ketiga-tiga kumpulan orang dalam kajian ini bila menimbang objektif-objektif latihan mengajar di sekolah. Hasil kajian ini memberi implikasi bahawa senarai objektif dan susunan 'ranking'nya dalam kajian mungkin berguna sebagai panduan bagi latihan mengajar di sekolah. Walaupun hasil kajian ini menyokong hipotesis kajian ini, namun analisa yang terperinci menunjukkan adanya perbezaan dalam persepsi ketiga-tiga kumpulan orang yang mungkin disebabkan oleh keperluan, peranan dan jangkaan peranan mereka yang berlainan. Analisa perbezaan itu dianggap berguna bagi menjelaskan beberapa isu dan masalah yang timbul dalam latihan mengajar.

Akhirnya, kajian ini memberi beberapa cadangan tentang aspek penilaian diri guru pelatih, penyeliaan dan pentaksiran pensyarah maktab, kerjasama antara maktab dan sekolah.

Catatan Mengenai Penulis-Penulis

Khatijah Khalid ialah seorang pensyarah kursus Kaedah Mengajar Geografi di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, semenjak bulan Disember 1981. Beliau mula melibatkan diri dalam bidang pendidikan sebagai guru sekolah menengah (1972-1976) dan sebagai Pegawai Kurikulum di Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran di mana beliau bertugas sebagai Ketua Projek Geografi di Unit Kajian Kemasyarakatan (1979-1981). Beliau sangat berminat dalam bidang perkaedahan geografi sekolah menengah, falsafah pendidikan dan perkembangan kurikulum.

Lim Ho Peng (Ph.D.) ialah seorang pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mendapat Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafahnya dari University California Los Angeles (UCLA). Sekarang ini beliau adalah Fellow Longman dalam Bahasa Inggeris di University of London.

Ling Chu Poh (Ph.D.) ialah seorang Profesor Madya di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya dan telah bertugas dalam jawatan pensyarah dari tahun 1966. Sekarang ini beliau juga merupakan Penasihat kepada "Association of Kindergartens, Malaysia" dan biasa menjadi ahli jawatankuasa "The National Geographical Association of Malaysia". Bidang major beliau ialah Psikologi Pendidikan dan penyelidikan dan penerbitan-penerbitan beliau merangkumi berbagai-bagai bidang termasuklah pendidikan pra geografi, penilaian dan pengukuran dalam pendidikan.

Lourdusamy, A. (Ph.D.) ialah seorang Profesor Madya di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia. Bidang minatnya ialah Pendidikan Sains khususnya mengenai interaksi perbezaan individu dalam gaya kognitif dengan tingkahlaku pengajaran/pembelajaran. Beliau juga adalah seorang penyelidik/pegawai latihan di RECSAM sebelum menjawat jawatannya di Universiti Sains Malaysia dalam 1974.

Molly N.N. Lee ialah seorang pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia. Sebelum ini beliau telah berkhidmat di Sabah sebagai seorang guru dan nazir sekolah. Beliau berminat dalam bidang Sains Pendidikan, Peyelanaan Sekolah dan Pendidikan Perguruan.

Naidu, R.D. (Ph.D.) ialah seorang Pendidik yang berpengalaman. Pernah menjawat jawatan Guru Besar, Pensyarah dan Penolong Pengarah Pelajaran. Sekarang ini bertugas sebagai Guru Besar di Sekolah Menengah Tinggi, Bukit Mertajam. Dalam bidang penulisan beliau telah menghasilkan rencana-rencana, buku Sivik Moden untuk Tingkatan IV terbitan Fajar Bakti dan kini sedang menulis sebuah buku "Geografi Asia Tenggara".

Ng Wai Kong (Ph.D.) ialah seorang pensyarah dalam bidang Teknologi Pendidikan dan Psikologi Pendidikan di Unit Teknologi Pendidikan, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia. Beliau terlibat dalam projek-projek penyelidikan profil kognitif, perbezaan individu, penilaian kursus, perkembangan pengajaran, dan penggunaan komputer dalam pendidikan. Di samping itu beliau adalah Penyelidik Kanan dengan Projek INSPIRE. Penyelidikan beliau juga diterbitkan dalam Journal of Science and Mathematics Education in Southeast Asia.

Tan Yeap Leong (Ph.D.) ialah seorang pensyarah kursus Kaedah Sains/Biologi di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia. Beliau berminat untuk memperbaiki kekesan kerja amali sains untuk mencapai objektif-objektif pengajaran sains di sekolah. Beliau juga berminat dalam proses mengorientasi semula guru dalam perkhidmatan supaya bersedia untuk menerima inovasi-inovasi pendidikan.

Maklumat Am

Selaras dengan rasional yang disebutkan di bahagian dalam muka surat judul, jurnal ini meminta rencana-rencana yang memberi sumbangan ke arah tercapainya tujuan dan objektif berikut:

- Tujuan** (1) Untuk memupuk perkembangan iktisas para guru yang sedang bertugas; (2) Untuk menolong meninggikan lagi mutu latihan guru-guru di Malaysia.
- Objektif** (1) Untuk menggalakkan perbincangan terhadap isu-isu dan masalah-masalah pendidikan; (2) Untuk mengemukakan ide-ide tentang pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah; (3) Untuk memberi sumbangan ke arah penyelesaian kepada masalah-masalah pendidikan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah dan maktab-maktab perguruan; (4) Untuk menyebarkan maklumat-maklumat mengenai kegiatan-kegiatan serta peristiwa-peristiwa pendidikan di Malaysia dan peluang-peluang pendidikan yang terdapat kepada guru-guru dan pensyarah-pensyarah.
- Rencana-rencana** (1) Rencana-rencana yang memberi tumpuan khusus kepada masalah dan isu pendidikan seperti: (a) kaedah mengajar matapelajaran-matapelajaran; (b) masalah-masalah pendidikan dan sosial, misalnya bimbingan dan kuanseling, keciciran, penyalahgunaan dadah dan lain-lain; (c) pengajaran dan pembelajaran bahasa dalam masyarakat berbilang bahasa; (d) pendidikan pra-sekolah; (e) latihan perguruan dan profesyen mengajar; (f) peperiksaan dan penilaian; (g) pendidikan khas, misalnya, mengenai kanak-kanak cacat anggota, kanak-kanak berotak geliga, dan lain-lain; (h) pendidikan lepas sekolah, misalnya, pendidikan tinggi, pendidikan dewasa, pendidikan vokesyen dan sebagainya. (2) Terjemahan rencana-rencana yang ditulis di dalam bahasa-bahasa asing, kecuali Bahasa Inggeris, yang selaras dengan hasrat jurnal ini (3) Ulasan buku atau rencana yang menarik minat pembaca jurnal ini.

General Information

In accordance with the rationale outlined in the inside cover page, this journal thus solicits articles the contribute towards the achievement of the following aims and objectives:

- Aims** (1) To promote the professional growth of practising teachers; (2) To help improve the quality of teacher training in Malaysia.
- Objectives** (1) To stimulate discussion on educational issues and problems; (2) To offer ideas on the teaching and learning in schools; (3) To contribute towards the solution of educational problems encountered in schools and teachers' collaeges; (4) To disseminate information on educational opportunities available to teachers and teacher educators.
- Articles** (1) Articles on education, in particular those related to the following areas of educational problems and issues: (a) Methods of teaching school subjects; (b) Education and Social Problems, e.g. guidance and counselling, school drop-out, drug abuse, etc.; (c) Language teaching and learning in a multilingual society; (d) Pre-school education; (e) Teacher training and the teaching profession; (f) Examinations; and assessment; (g) Special education, e.g. of the physically handicapped, of gifted children, etc.; (h) Post-school education, e.g. higher education, adult education, vocational education, etc. (2) Translations of articles written in languages other than Bahasa Malaysia or English relevant to the intents of the Journal. (3) Reviews of books or articles of interest to the intended audience.

Maklumat untuk Penulis-Penulis

1. Dua salinan manuskrip yang jelas perlu disampaikan. Panjangnya hendaklah tidak melebihi 5,000 perkataan. Manuskrip itu haruslah ditaip dua jarak menggunakan sebelah muka kertas berukuran A4 dengan mempunyai sempadan yang secukupnya.
2. Sebuah sinopsis di dalam Bahasa Malaysia hendaklah disertakan bersama-sama manuskrip dalam Bahasa Inggeris atau sebaliknya. Panjangnya hendaklah tidak melebihi 300 patah perkataan.
3. Jadual-jadual, rajah-rajah, dsb. perlu diutarakan seminima mungkin. Ia mestilah di dalam bentuk yang dikehendaki diterbitkan di dalam jurnal.
4. Tentang cara-cara menulis nota dan rujukan sila rujuk kepada rencana-rencana yang disiarkan di dalam jurnal ini.
5. Semua manuskrip dan pertanyaan hendaklah dikemukakan kepada:
Penyunting,
Jurnal Pendidik dan Pendidikan,
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.
6. Penulis-penulis yang rencananya diterima untuk diterbitkan akan menerima 25 salinan rencana yang sama dengan percuma serta 2 buah jurnal yang mengandungi rencananya itu.

Information for Contributors

1. Two clear copies of the manuscript are to be submitted. The manuscript should not exceed 5,000 words. It should be typed, double-spaced, on one side of A4 size paper with adequate margin provided.
2. A synopsis in Bahasa Malaysia should accompany a manuscript in English or vice versa. The synopsis should not exceed 300 words.
3. Tables, figures, ect. should be kept to a minimum. They should be in the form that are to appear in the journal.
4. For footnoting and referencing, please refer to the articles appearing in this journal.
5. All manuscript and enquiries should be forwarded to:
The Editor,
Jurnal Pendidik dan Pendidikan,
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.
6. Author(s) of article accepted for publication will receive 25 free copies of the reprint of the article and 2 complimentary copies of the issue in which the article appears.

Diterbitkan oleh Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
Dicetak oleh Sinaran Bros, Sdn. Bhd.